

TEKS UCAPAN PENUTUP

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**BENGKEL PERNIAGAAN BERIMPAK TINGGI
ANGKASA 2026-2030 - SEKTOR PERTANIAN**

**22 APRIL 2026 (RABU)
5.00 PETANG
HOTEL CRYSTAL CROWN, PETALING JAYA
SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi.

Rujuk Salutasi

1. Alhamdulillah, setelah dua hari kita berkumpul, berdiskusi dan bertukar pandangan secara mendalam, maka dengan izin Allah S.W.T hari ini kita berada di penghujung Bengkel Berimpak Tinggi – Sektor Pertanian – Ternakan Ayam ANGKASA.
2. Bengkel yang dianjurkan merupakan satu usaha bagi merangka strategi penternakan, pengeluaran dan pemasaran yang mampu menyokong pencapaian sasaran **RM9.29 juta bagi tahun 2026** serta **merangka hala tuju sektor pertanian - ternakan ayam koperasi menjelang tahun 2030.**

Hadirin yang saya hormati

3. Dalam konteks ekonomi negara, sektor pertanian terus memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada keselamatan makanan dan pembangunan ekonomi luar bandar. Pada tahun

2025, nilai **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia** dianggarkan **melebihi RM1.9 trilion** dengan sektor pertanian menyumbang sekitar **RM180 bilion hingga RM190 bilion** iaitu kira-kira **9 hingga 10 peratus** daripada keseluruhan KDNK negara.

4. Daripada jumlah tersebut, subsektor **agromakanan** yang merangkumi tanaman makanan, perikanan serta ternakan menyumbang lebih **RM110 bilion kepada ekonomi negara**, menjadikannya komponen penting dalam agenda keselamatan makanan negara.

5. Dalam subsektor ternakan, industri ayam merupakan penyumbang terbesar dan paling dominan. Nilai keseluruhan **rantai ekonomi industri ayam Malaysia** dianggarkan **mencecah antara RM20 bilion hingga RM25 bilion setahun** melibatkan pelbagai aktiviti ekonomi seperti:

- pengeluaran makanan ternakan
- pembiakan anak ayam
- penternakan ayam pedaging
- pemprosesan ayam
- logistik dan pengedaran
- perdagangan runcit dan industri makanan.

6. Dengan populasi ternakan ayam melebihi **320 juta ekor**, ayam kekal sebagai komoditi ternakan terbesar di Malaysia dan menjadi **sumber protein haiwan utama kepada rakyat negara ini. Sebagai perbandingan:**

- **ternakan lembu sekitar 700 ribu ekor**
- **ternakan kambing sekitar 300 ribu ekor**
- **ternakan bebiri sekitar 140 ribu ekor**

7. Penggunaan ayam dalam kalangan rakyat Malaysia adalah **antara yang tertinggi di dunia dengan purata penggunaan sekitar 48 hingga 50 kilogram ayam bagi setiap orang setahun.** Malaysia juga mencatatkan

Self Sufficiency Ratio (SSR) ayam sekitar 90% hingga 100%, menunjukkan bahawa negara hampir mampu memenuhi keseluruhan permintaan domestik melalui pengeluaran tempatan.

8. Selain memenuhi permintaan domestik, Malaysia juga merupakan **pengekspor produk ayam ke beberapa negara serantau**, khususnya Singapura. Nilai eksport ayam dan produk ayam Malaysia dianggarkan sekitar **RM700 juta hingga RM900 juta setahun**, melibatkan eksport ayam hidup, ayam diproses serta produk berasaskan ayam. Prestasi eksport ini menunjukkan bahawa industri ayam Malaysia bukan sahaja penting dalam memenuhi keperluan domestik, tetapi turut mempunyai **potensi besar sebagai penyumbang kepada perdagangan makanan serantau**.

9. Oleh itu, pembangunan industri ayam yang lebih mampan dan

berdaya saing bukan sahaja penting kepada sektor pertanian, malah mempunyai implikasi besar kepada **keselamatan makanan, kestabilan harga serta kesejahteraan rakyat.**

Hadirin yang saya hormati

10. Industri ternakan ayam negara berkembang sebagai industri agro-komersial moden. Hari ini industri ini merangkumi:

- . lebih 2,600 ladang ayam pedaging**
- . lebih 200 ladang ayam penelur**
- . ratusan pusat pemprosesan ayam**
- . rangkaian logistik dan pengedaran yang kompleks.**

11. Sebahagian besar industri **ini dikawal oleh syarikat integrator besar,** yang menguasai keseluruhan rantaian nilai daripada makanan ternakan hingga kepada pemasaran. Di sinilah kita melihat **satu jurang besar dalam penyertaan ekonomi koperasi.** Dan

jurang inilah yang ingin kita isi melalui transformasi industri ayam koperasi di Malaysia.

12. Usaha ini juga selaras dengan pelbagai dasar pembangunan koperasi negara, antaranya:

- **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)** yang memberi fokus kepada pengukuhan sektor agromakanan dan keselamatan makanan negara.
- **Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DAKOM 2030)** yang menyasarkan peningkatan sumbangan koperasi kepada ekonomi negara.
- **Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50)** yang memberi penekanan kepada pembangunan ekosistem perniagaan koperasi yang mampan dan berdaya saing di peringkat nasional dan global.

Hadirin yang saya hormati,

13. Sejak beberapa tahun yang lalu, ANGKASA sebenarnya telah memulakan beberapa inisiatif dalam pembangunan projek ternakan ayam melalui penglibatan koperasi di beberapa negeri. Berdasarkan rekod semasa, terdapat 10 projek ternakan ayam pedaging koperasi, telah dilaksanakan melibatkan koperasi di negeri Kelantan dan Sabah dengan kapasiti maksimum sekitar 153,500 ekor bagi setiap pusingan ternakan.
14. Selain itu, terdapat juga projek ternakan ayam kampung kacuk yang melibatkan 12 koperasi di beberapa negeri seperti Melaka, Perak, Kelantan dan Johor dengan kapasiti pengeluaran sekitar 22,000 ekor bagi setiap pusingan.
15. Manakala bagi kategori ayam kampung asli, terdapat sekurang-kurangnya 2 projek koperasi di Negeri Sembilan dengan kapasiti sekitar 1,000 ekor bagi setiap pusingan.

16. Secara keseluruhannya, jumlah kapasiti ternakan ayam yang dilaksanakan melalui projek koperasi di bawah inisiatif ANGKASA ketika ini dianggarkan sekitar 176,500 ekor bagi setiap pusingan ternakan. Namun demikian, walaupun pelbagai projek telah dilaksanakan, pencapaian ini masih belum mencapai sasaran pembangunan industri ternakan ayam koperasi sebagaimana yang digariskan dalam Garis Panduan Panduan Pengurusan Projek ANGKASA (G3PA).

17. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembangunan ternakan ayam koperasi masih memerlukan pendekatan yang lebih tersusun, berskala ekonomi serta disokong oleh model ekosistem industri yang lebih komprehensif. Justeru itu, bengkel ini menjadi sangat penting sebagai platform untuk menilai semula kedudukan semasa industri ternakan

ayam koperasi serta merangka strategi baharu bagi memperkukuh pembangunan sektor ini pada masa hadapan.

Hadirin yang saya hormati,

18. Dalam usaha ini, ANGKASA mempunyai peranan strategik sebagai arkitek dan pemangkin kepada pembangunan **ekosistem industri ternakan ayam koperasi di Malaysia**. Peranan ini meliputi penyelarasan rangkaian nilai industri secara bersepadu yang merangkumi sektor **huluan, pengeluaran dan hiliran**.
19. Dalam sektor huluan, ANGKASA membantu memperkukuh penyelarasan bekalan input industri seperti makanan ternakan, sumber anak ayam serta penggunaan teknologi penternakan moden.
20. Dalam sektor pengeluaran, ANGKASA berperanan menggalakkan

pembangunan rangkaian **ladang ayam koperasi yang lebih sistematis, produktif dan berskala ekonomi.**

21. Manakala dalam sektor hiliran, ANGKASA menyokong pembangunan aktiviti pemprosesan, pembungkusan, pengedaran dan pemasaran produk ayam koperasi melalui rangkaian perniagaan koperasi.
22. Melalui pendekatan ini, koperasi bukan sahaja berfungsi sebagai penternak, tetapi turut terlibat dalam keseluruhan **rantaian nilai industri ayam**, sekali gus meningkatkan daya saing dan nilai ekonomi gerakan koperasi.
23. Dalam jangka panjang, usaha ini berpotensi menjadikan projek ternakan ayam sebagai **sektor pertumbuhan baharu ekonomi koperasi yang menyumbang kepada keselamatan makanan negara serta peningkatan pendapatan koperasi**

termasuk melalui cadangan penubuhan **Special Business Unit (SBU) Industri Ternakan Ayam Koperasi** bagi membolehkan ANGKASA terlibat secara lebih langsung dalam aktiviti perniagaan strategik yang berpotensi menjana pendapatan serta menyokong pembangunan ekonomi koperasi.

Hadirin yang saya hormati,

24. Saya difahamkan pelaksanaan bengkel ini mempunyai satu tujuan yang sangat jelas. Bukan sekadar membincangkan operasi ternakan ayam tetapi untuk **merangka transformasi sektor pertanian – ternakan ayam koperasi** yang diwajibkan dengan sasaran strategik **model perolehan 60:40 ANGKASA menjelang tahun 2030.**

25. Sepanjang bengkel ini, usaha telah dilakukan untuk:

- merangka strategi pengeluaran dan pemasaran ternakan ayam **menyokong pencapaian sasaran RM9,294,200.00 juta bagi tahun 2026**
- merangka pelan ternakan ayam yang mampu mencapai jumlah pengeluaran sekitar **500,000 ekor setahun** melalui beberapa kitaran ternakan
- merancang kapasiti pengeluaran ternakan sebanyak **100,000 ekor bagi setiap kitaran ternakan** melalui penglibatan koperasi ladang sasaran
- merangka pelaksanaan **amalan penternakan ayam mesra alam (ESG)** melalui pengurusan sisa ternakan yang sistematik serta penggunaan teknologi hijau
- serta membina **Roadmap Ternakan Ayam Koperasi** ke arah menyokong perolehan 60:40 ANGKASA menjelang 2030

26. Namun kejayaan sebenar bengkel ini tidak terletak pada laporan atau dokumen yang dihasilkan. Kejayaan sebenar bergantung kepada

keupayaan kita melaksanakan strategi yang telah dirumuskan.

27. Oleh itu saya berharap agar hasil bengkel ini dapat diterjemahkan kepada pelan tindakan yang jelas, program pelaksanaan yang konkrit serta mekanisme pemantauan prestasi yang berkesan. Dengan pendekatan ini, hasil bengkel ini bukan sekadar menjadi **dokumen strategi**, tetapi menjadi **agenda transformasi sektor pertanian – ternakan ayam ANGKASA dan Gerakan Koperasi Negara.**

Hadirin yang saya hormati,

28. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta bengkel, pakar rujuk industri serta pihak penganjur yang telah memberikan komitmen yang sangat baik sepanjang bengkel ini.

29. Saya yakin bahawa usaha yang dimulakan melalui bengkel ini

merupakan langkah penting ke arah membina **masa depan industri ayam koperasi Malaysia**. Sekiranya kita mampu bergerak secara bersama, dengan perancangan yang tersusun dan strategi yang jelas, saya percaya bahawa koperasi mampu menjadi pemain penting dalam industri agromakanan negara.

30. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan **Bengkel Perniagaan Berimpak Tinggi : Sektor Pertanian – Ternakan Ayam**. Semoga segala idea, cadangan dan strategi yang telah dirumuskan sepanjang bengkel ini menjadi asas kepada **Transformasi Sektor Pertanian – Ternakan Ayam Koperasi Malaysia menjelang tahun 2030**.

31. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, Saya dengan ini menutup secara rasmi **Bengkel**

Perniagaan Berimpak Tinggi : Sektor Pertanian – Ternakan Ayam ANGKASA.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.